

Kenal pasti ayat-ayat di bawah dan tentukan sama ada ayat tunggal atau ayat majmuk.

- (i) Laut merupakan sistem perhubungan dan jaringan pengangkutan yang sangat penting.

- (ii) Pelajar lebih mudah menerima sesuatu ilmu dalam suasana persekitaran yang berbeza daripada suasana di dalam kelas.

- (iii) Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) akan menayangkan secara langsung pertandingan bola sepak Piala Dunia FIFA 2018.

- (iv) Perkembangan teknologi menghasilkan pelbagai peranti elektronik canggih yang mampu memudahkan aktiviti rutin seseorang.

- (v) Perderma darah juga adalah wira negara kerana pengorbanan mereka menderma darah secara sukarela membantu menyelamatkan nyawa pesakit.